

CNS9225

R GB 27-11 00198 BB984

aab

UNTUK SIARAN SELEPAS 4 AM 28 NOV
MAHATHIR GESA ORDER DUNIA YANG SALING MEMBANTU
Mahathir-Order
Daripada Donald Baptist

CARACAS, 27Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa satu era baru kerjasama antarabangsa di mana kepentingan dan pandangan semua negara diberi pengiktirafan sewajarnya.

Beliau berkata agenda baru itu harus ke arah +Order Dunia yang Saling Membantu+ di mana keputusan yang memberi kesan kepada kepentingan negara-negara membangun tidak dibuat oleh heherapa nsgara yang diberi keistimewaan dengan mengeneplikang langsung pandangan negara terlibat.

+Jika demokrasi merupakan satu-satunya kepercayaan politik yang diterima, biarlah demokrasi juga menjadi proses dalam membuat keputusan di dunia,+ beliau berkata di sidang kemuncak kedua G-15 di sini semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang akan menyerahkan jawatan pengerusi kumpulan itu kepada Presiden Venezuela Carlos Andres Perez di sidang ini, tliheri penghormatan tinggi berucap mewakili negara anggota dari Asia.

Penghormatan itu sebagai mengiktiraf peranan Malaysia dan dirinya dalam mempertingkatkan kerjasama Selatan-Selatan.

Malaysia adalah penggerak utama ke arah penubuhan G-15, sebuah kumpulan kerja bagiketua-ketua negara membangun untuk menyejgerakan kerjasama lebih erat di kalangan negara-negara dunia ketiga -- lagi

▼27/11/23-55MST

CNS9230

R GB 28-11 00180 BB985

aab

Mahathir- Order 2 Caracas

Semasa berucap, selepas Presiden Perez yang marasmikan sidang itu di Kompleks Kebudayaan Teresa Carreno, tempat pelancaran laporan terakhir Suruhanjaya Selatan pada Ogos, Datuk Seri Dr Mahathir juga menimbulkan isu alam sekitar, hutang negara dunia ketiga, layanantidakadil negara maju terhadap negara membangun dan perlunya negara-negara selatan bekerjasama dalam meli ndungi kemerdekaan mereka dan meningkatkan prospek pembangunan.

Beliauberkata+Order Dunia yang Saling Membantu+ akan mencari jalan memperbaiki trend yang tidak sihat ini supaya negara-negara membangun dapat menikmati perkongsian kekayaan planet ini dengan lebih bermakna.

Sebarang pel a rasanyang perlutj dak seharusnya dibuat oleh negara-negara selatan sahaja tetapi juga negara-negara di utara, kerana padaakhirnya negara-negara utara juga akan memperoleh faedah daripada kekayaan di selatan.

+Sebelum negara-negara utara menuding jari ke arah apa yang didakwa pembaziran yang dilakukan oleh negara-negara selatan, mereka sepatutnya terlebih dahulu mengurangkan defisit belanjawan mereka yang besar dan membelanja mengikut kemampuan.

+Negara-negara utara sepatutnya tahu bahawa perbelanjaan mereka yang tidak bertanggungjawab memberi kesan terhadap matawang dan pasaran kewangan dunia,+ tambahnya. -- lagi

▼28/11/00-14MST

R GB 28-11 00198 BB987

aab

Mahathir-Order 4 (akhir) Caracas

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kesemua perubahan dan ugutan ini dihadapi oleh negara-negara membangun dan hari ini, keperluan begitu mendesak untuk negara-negara selatan bekerjasama dalam melindungi kemerdekaan mereka yang terancam dan meningkatkan prospek pembangunan.

+Sehingga dan kecnalj, kita lakukan ini, negara-negara utara akan terus memisahkan kita+,

+Di G-15, kita membuat permulaan yang baik dalam kerjasama Selatan-Selatan tetapi kita perlu, di atas landasan yang sama, meningkat dan melebarkan bidang kerjasama, + beliau menambah.

Beliau berkata perkara itu tidak mungkin mudah tetapi, tidak ada sesuatu bermakna itu yang mudah.

+Kita hendaklah mempunyai dorongan politik dan kita semestinya menerima keperluan untuk berkorban sekarang untuk pulangan tetap di masa hadapan.+

Beliau juga berkata G-15 masih lagi sebuah forum yang baru tetapi negara-negara anggota hendaklah berpuashati dengan apa yang dicapai sehingga sekarang ini.

Tanpa dihebohkan, kerjasama ekonomi, yang tidak banya terbatas di kalangan negara kumpulan 15 tetapi juga antara negara-negara selatan yang lain telah membuahkan hasil.

Sidang kemuncak ini dihadiri oleh 11 daripada 15 ketua-ketua kerajaan negara anggota. Mereka dari Mesir, Nigeria, Brazil dan Yugoslavia tidak dapat menghadiri sidang kemuncak ini. -- Bernama

▼28/11/00-41MST

CNS9237

R GB 28-11 00174 BB986

aab

Mahathir-Order 3 Caracas

Mereka harus memperbaiki tabungan dan menghapuskan penggunaan yang membazir, menghentikan subsidi dan bantuan harga bagi keluaran pertanian dan mengeneipkan sekatan pelindung yang menghalang keluaran negara membangun menembusi pasaran.

Apa yang penting ialah mereka harus belajar bersaing dan tidak menyalahkan orang lain kerana kesengsaraan dan masalah ekonomi yang berpuncadaripada kekutangan mereka sendiri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata negara-negara utara perlu menerima aspirasi negara-negara lain dan jika mereka membentengi ekonomi mereka di sebalik blok dagangan, mereka harus menerima hakikat bahawa negara lain juga mempunyai hak sama, sekurang-kurangnya meninggikan suara mempertahankan kepentingan mereka.

Beliau menambahkata: +Namun demikian negara-negara Asia Timur tidak dibenarkan berunding sesama sendiri atau menggelar diri mereka masyarakat Asia Timur.

+Amerika Syarikat menolak dan menentang rundingan ekonomi Asia Timur atau EAEC dan menuntut Jepun and Korea Selatan mengasingkan diri daripada pembentukan kumpulan rundingan ini.

+Korea Selatan diberitahu tentang hutang darahnya dengan Amerika Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hutang dengan Malaysia oleh itu merekasepatutnya mengikut telunjuk Amerika.+ -- lagi

▼28/11/00-39MST